

<b>TAJUK 1</b>	<b>PENGENALAN FONETIK DAN FONOLOGI</b>
----------------	--

## SINOPSIS

Unit ini memberi tumpuan kepada definisi pengantar fonetik dan fonologi

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir Unit 2.1 ini pelajar dapat

- i. Mentakrif dan mengkategorikan konsep fonetik
- ii. Mentakrif dan mengkategorikan konsep fonologi

## FONETIK

Fonetik sebagai pengkajian bunyi-bunyi bahasa. Fonetik ialah pengkajian yang lebih memberatkan pelahiran bahasa bukan kandungannya. Apa yang dipentingkan ialah bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan dan bukannya makna yang cuba disampaikan

Bertil Malmberg (1968)

Fonetik ialah ilmu yang bersangkutan dengan bunyi-bunyi bising yang dihasilkan oleh manusia. Bunyi-bunyi yang dapat di dengar ini kemudiannya diberi bentuk yang biasa tedapat dalam masyarakat itu sendiri.

J. D. O'Connor 1973

**Fonetik ialah bidang yang mengkaji bagaimana bunyi bahasa dihasilkan.**

## ILMU FONETIK

a) Ilmu Fonetik Am

Pengkajian terhadap pengajaran bunyi-bunyi dan fungsi mekanisme ucapan. Apa yang dikaji ialah bagaimana bunyi dihasilkan dan organ yang terlibat dalam penghasilan bunyi bahasa.

b) Ilmu Fonetik Deskriptif

Pengkajian terhadap kelainan bagi sesuatu bahasa tertentu atau ringkasnya dialek

c) Ilmu Fonetik Sejarah

Pengkajian terhadap perubahan fonetik bagi sesuatu bahasa berdasarkan sejarah bahasa tersebut

d) Ilmu Fonetik Normatif

Pengkajian terhadap set rumus yang menentukan pengucapan yang betul bagi sesuatu bahasa.

## FONOLOGI

**Fonologi ialah bidang mengkaji sistem bunyi bahasa.** Fonem ialah unit bahasa yang diwujudkan bagi memudahkan deskripsi sistem bunyi atau fonologi itu. Manusia dapat menghasilkan banyak bunyi atau fon, tetapi daripada fon-fon tersebut hanya beberapa sahaja yang distingtif atau berbeza. Bagi menentukan sama ada fon itu distingtif, fon-fon dibandingkan dan dikontraskan antara satu dengan yang lain. Dengan demikian kita dapat mengenalpasti fon-fon yang distingtif daripada yang hanya berbeza sebutan kerana dihasilkan pada konteks yang berlainan tetapi tidak distingtif. Hanya golongan fon-fon yang distingtif itulah yang dikenali sebagai fonem.

## GUNA SISTEM FONOLOGI

Fonem- fonem wujud dalam susunan tertentu, malah susunan ini berlainan daripada satu bahasa kepada yang lain. Mengkaji kewujudan dan penggunaan fonem-fonem daripada aspek-aspek demikian adalah mengkaji struktur fonologi bahasa tersebut. Apabila kita sudah dapat mengenal pasti fonem-fonem dalam bahasa, maka kita dapat pula membentuk sistem ejaannya.

## FONEM DIBERI LAMBANG

Sejak manusia mula membentuk sistem ejaan, manusia sudah mengenali konsep fonem. Apabila menyusun sistem ejaan atau lambang tulisan, maka dibuatlah supaya huruf melambangkan fonem. Dalam usaha demikian, ada fonem-fonem berlainan yang masih diberi satu lambang yang disebut sebagai fon

## FONOLOGI SEBAGAI SISTEM BUNYI

Fonologi ialah sistem bunyi sesebuah bahasa. Apabila kita mengkaji fonologi sebuah bahasa, kita mengenal fonem-fonem yang wujud dalam sesebuah bahasa. Kemudian dikaji pula bagaimana fonem-fonem ini digunakan dalam bahasa itu.

### Latihan 1

1. Beri definisi kajian fonetik dan nyatakan pentingnya kajian fonetik bagi sesuatu bahasa.
2. Beri definisi kajian fonologi dan nyatakan pentingnya kajian fonologi dalam kajian bahasa.
3. Membanding beza konsep fonetik dan fonologi.

TAJUK 2	ALAT ARTIKULASI
---------	-----------------

## SINOPSIS

Unit ini memberi tumpuan kepada alat artikulasi. Mengenal pasti alat-alat artikulasi dengan betul.


## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir unit 2.2 ini pelajar dapat :

- i. Mengenal pasti alat-alat artikulasi dengan betul

## ALAT ARTIKULASI

Bunyi yang dihasilkan akan melibatkan organ-organ seperti paru-paru, pita suara, rongga mulut dan hidung. Alat tutur dalam mulut seperti lidah, gusi, gigi dan sebagainya juga terlibat sama.




### • Paru-paru

Udara mesti wujud bagi menghasilkan bunyi melalui organ sebutan manusia. Udara yang masuk ke paru-paru itu ditekan keluar. Udara itu adalah unsur yang aktif dalam menghasilkan bunyi bahasa. Otot-otot disekeliling paru-paru menekan paru-paru supaya mengempis dan udara dipaksa keluar melalui saluran seterusnya ke rongga mulut serta rongga hidung.

- **Saluran udara**

Saluran udara bertugas menyalur udara yang dipaksa keluar dari paru-paru melalui pita suara dan seterusnya ke rongga mulut dan rongga hidung.

- **Organ Sebutan**



- **Lidah**


Lidah amat aktif digunakan dalam menghasilkan bunyi. Daun lidah boleh dibahagikan kepada tiga daerah iaitu hujung, depan dan belakang bagi memudahkan kita membuat deskripsi penghasilan bunyi.

- **Gigi**

Gigi juga digunakan bagi menghasilkan bunyi. Gigi sebagai organ sebutan adalah pasif. Ini bermaksud gigi tidak bergerak tetapi digunakan sebagai penampang aliran udara yang keluar dari paru-paru.

- Bibir

Bibir menjadi sempadan paling luar pada rongga mulut. Organ ini ialah kumpulan otot yang kenyal dan boleh diubah-ubah bentuknya dengan mengawal otot-otot pada bibir. Otot-otot tersebut boleh dibuat supaya menjadi bundar atau leper bagi menghasilkan bunyi-bunyi yang berlainan.



- Gusi

Gusi ialah bahagian yang cembung di gigi menurun ke bahagian dalam rongga mulut. Gigi juga menjadi yang digunakan sebagai daerah sebutan

- Lelangit Keras

Lelangit keras bermula dari sempadan gusi di bahagian atas rongga mulut hingga ke lelangit lembut. Organ ini mengisi lebih kurang 2/3 daripada lelangit .

- Lelangit Lembut


Lelangit lembut bermula dari sempadan lelangit keras hingga akhir daerah atas rongga mulut. Organ ini adalah bahagian lelangit yang terbelakang dalam rongga mulut. Lelangit lembut ini boleh diturunkan dan dinaikkan bagi menutup atau membuka saluran tekak ke rongga hidung.

- Rongga hidung

Rongga hidung ialah ruang yang terdapat di atas rongga mulut dan dipisahkan dari rongga mulut oleh lelangit. Rongga hidung bermula dari lubang hidung ke tekak.

- Pita Suara

Dalam halkum terdapat sepasang otot selaput nipis ini dikenali sebagai pita suara. Apabila dirapatkan, pita suara liputi ruang rongga rengkung. Lubang di antara dua keeping selaput itu boleh diluaskan atau disempitkan dalam usaha mengeluarkan bunyi.



**Pita Suara Dirapatkan**

**Pita Suara Terbuka**

Pita suara yang nipis ini bergetar apabila mendapat tekanan aliran udara yang keluar dari paru-paru. Getaran ini menerbitkan bunyi bersuara. Apabila pita suara tersebut dirapatkan dan tekanan udara dari paru-paru dilepaskan dengan serta merta maka terjadilah bunyi letusan pita suara. Apabila pita suara direnggangkan menjadi separuh terbuka maka tekanan udara dari paru-paru menggetarkan pita suara tersebut. Manakala apabila pita suara dirapatkan dan tekanan udara dari paru-paru menggetarkan pita suara tersebut. Pita suara yang bergetar penting dalam menghasilkan bunyi.

### Latihan 2

1. Huraikan sistem pernafasan. Bagaimana par-paru berfungsi dalam menghasilkan bunyi ?
2. Apa maksud organ pernafasan ?
3. Apa maksud lelangit keras dalam menghasilkan bunyi?
4. Apa maksud bunyi bergetar dan tidak bergetar?

### TAJUK 3

### BUNYI VOKAL

#### SINOPSIS

Unit ini memberi tumpuan kepada bunyi vokal dan alat artikulasi yang digunakan untuk menghasilkan bunyi vokal.

#### HASIL PEMBELAJARAN


Pada akhir unit ini pelajar dapat :

- i. Menguasai bunyi-bunyi vokal dengan cara yang betul

#### BUNYI VOKAL

- Bunyi-bunyi vokal melibatkan *udara agresif* iaitu udara yang dihembuskan keluar semasa menghasilkan bunyi ini.
- Semasa menghasilkan bunyi-bunyi vokal *tiada sekatan dan penyempitan* berlaku di antara titik artikulasi dengan artikulator.
- Pengelasan vokal berdasarkan *vokal sistem kardinal* oleh Danial Jones (1956)

## VOKAL SISTEM KARDINAL



Lidah memberi berbagai bentuk dan rupa bagi menghasil bunyi vokal yang berbeza. Lokasi atau kedudukan lidah berasas dua paksi mendatar atau menegak.

Mendatar : Depan ke belakang

Menegak : Lantai lidah (rendah) hingga ke lelangit (tinggi)

1

• Bahagian menegak dibahagi kepada empat

i) Bahagian sempit/ tinggi

Cth: /i/, /u/

ii) Bahagian separuh sempit / tinggi

Cth: /e/, dan /o/

iii) Bahagian separuh luas / rendah

Cth: /ɛ/, /ʌ/ dan //

iv) Bahagian luas / rendah

Cth: /a/ dan //

/ i / = itek

/ u / = ular

/ e / = ekor

/ ʌ / = emak

/ o / = orang

/ ɛ / = make = makan (dialek Kelantan)

/ ə / = OHP

/ a / = ayam

/ ɑ / = apa

### Latihan 3

1. Buat klasifikasi bunyi vokal kardinal.
2. Lukis rajah bagimana vokal kardinal dihasilkan.
3. Apa maksud bunyi vokal depan dan belakang?
4. Bagaimana bunyi vokal tengah dihasilkan ?
5. Apakah yang dimaksudkan dengan bunyi separuh?

## TAJUK 4

## BUNYI KONSONAN

### SINOPSIS

Unit ini memberi tumpuan kepada daerah sebutan dan cara sebutan bagi menghasilkan bunyi konsonan

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir unit ini pelajar dapat

- i. Menguasai bunyi konsonan dengan betul
- ii. Mengenal pasti cara sebutan bagi menghasilkan bunyi konsonan.
- iii. Mengenal pasti titik artikulasi bagi menghasilkan bunyi konsonan

### BUNYI KONSONAN

• Terdapat *dua belas titik artikulasi* yang terlibat bagi menghasilkan bunyi-bunyi konsonan.

- |                   |                               |
|-------------------|-------------------------------|
| 1. Bibir          | 7. Gigi Gusi - Lelangit keras |
| 2. Bibir – Gigi   | 8. Lelangit Keras             |
| 3. Gigi           | 9. Lelangit Lembut            |
| 4. Gigi-Gusi      | 10. Anak Tekak                |
| 5. Gelungan       | 11. Rongga Tekak              |
| 6. Lelangit keras | 12. Pita Suara                |

• Ada *sembilan cara* bagi menghasilkan bunyi-bunyi konsonan.

- |                        |                          |
|------------------------|--------------------------|
| 1. Letupan             | 6. Tamparan              |
| 2. Sengau              | 7. Geseran               |
| 3. Sisian bergeser     | 8. Letusan               |
| 4. Sisian tak bergeser | 9. Malaran tak bergeser. |
| 5. Getaran             |                          |

## TITIK ARTIKULASI

- Dua Bibir

Merupakan artikulator yang utama. Terlibat semasa menghasilkan bunyi letupan, sengau, frikatif dan malar tak bergeser.

Cth: / p, b, m, w /.

- Bibir – gigi

Terlibat apabila bibir bawah berartikulasi dengan gigi atas.Terlibat dalam menghasilkan bunyi sengau, frikatif, dan malaran tak bergeser.

Cth: / m, f, /.

- Gigi (Dental)

Melibat antara gigi dan belakang gigi. Hujung lidah berartikulasi dengan gigi bagi menghasilkan bunyi dental. Buji dental melibatkan bunyi frikatif.

Cth: / t, d, n, l, r, s, z /.

- Gigi – gusi

Gigi gusi terletak di antara lelangit keras. Ia melibatkan bunyi letupan, sengau, bergeser, sisian tak bergeser, getaran tamparan geseran dan malaran tak bergeser.

Cth: / t, d, n, l, r, s, z /.

- Gelungan (Retoflex)

Gelungan dihasilkan dengan membalikkan atau menggelungkan lidah ke arah lelangit keras yang bersempadan dengan gigi-gusi.Ini melibatkan bunyi letupan, sengau, sisian tak bergeser tamparan dan geseran

Cth: / t, d, l, r, s, z /.

- Lelangit keras – Gigi gusi

Kawasannya meliputi dua sempadan iaitu diantara gigi-gusi dengan lelangit keras.

Kedudukan depan lidah lebih ke arah gigi gusi. Bunyi yang terlibat bunyi geseran dan afrikat.

Cth: / z, c, /.

- Gigi-gusi – Lelangit keras

Perbezaannya diantara lelangit keras-gigi gusi hanyalah pada kledudukan lidah. Depan lidah lebih menyentuh lelangit keras dibandingkan dengan gigi-gusi. Bunyi yang terlibat ialah bunyi geseran

Cth: / l, z /.

•Lelangit keras

Kawasan yang paling melengkung dalam rongga mulut. Ia bertentangan dengan depan lidah. Bunyi yang terlibat letepun, sengau, sisin tak bergeser mempunyai bunyi-bunyi yang berartikulasi lelangit keras.

Cth: / c, n, j /.

•Lelangit Lembut

Apabila belakang lidah menyentuh satu daerah di belakang lelangit keras, bunyi-bunyi lelangit lembut dihasilkan. Bunyi yang terlibat letupan, sengau, geseran, dan malaran tak bergeser melibatkan lelangit lembut.

Cth: / k, g, n , x, w /.

•Anak tekak

Sekeping otot yang terdapat di belakang lelangit lembut. Cara penghasilan letupan, sengau, getaran, tamparan, geseran, dan malaran tak bergeser.

Cth: / q, G, N, R, X□/.

•Rongga Tekak

Cara menghasilkan adalah dengan melakukan geseran.

Cth: / h /.

•Pita Suara / Glotal

Udara yang keluar disekat terus daripada keluar. Bunyi yang dihasilkan melalui cara letupan geseran.

Cth: / □□□h, h /.

## CARA PENGHASILAN BUNYI KONSONAN

### •Letupan

Letupan/plosif dihasilkan dengan melepaskan udara yang disekat serta merta. Udara dari paru-paru disekat disalah satu titik artikulasi sama ada di bibir, gigi-gusi dan sebagainya.  
Cth:/ p, b, t, t, d c, k, g, q/

### •Sengau/Nasal

Sengau dikategori dibawah bunyi letupan. Yang berbeza ialah bunyi sengau dihasilkan melalui velum agar udara dapat melalui rongga hidung dan mulut. Udara yang melalui rongga mulut akan disekat di titik artikulasi yang tertentu dengan artikulator  
Cth:/ m, m, n, n, n, N/.

### •Sisian

Dibahagi kepada dua sisian bergeser dan sisian tak bergeser. Bunyi sisian dihasilkan dengan menaikkan hujung lidah ke arah bahagian belakang gigi dan udara akan keluar melalui sisi lidah. Udara yang dikeluarkan akan di geser di pita suara bagi menghasilkan bunyi geseran

Cth Sisian bergeser: /l, l/, /r, r/.

Cara menghasilkan bunyi sisian tak bergeser sama seperti di atas cuma ia tidak di geser dipita suara

Cth: Sisian tak bergeser : /l, l□□

### •Getaran

Dihasilkan dengan menggetarkan hujung lidah beberapa kali ke lelangit keras. Hujung lidah mempunyai artikulator yang aktif sementara lenagit keras menjadi titik artikulasi yang pasif. Cth: /r/

Sementara bagi /R/ belakang lidah digetarkan pada anak tekak. Belakang lidah artikulator dan anak tekak ialah titik artikulasi.

### •Tamparan

Tamparan mempunyai persamaan dengan getaran kecuali hujung lidah tidak digetarkan. Hujung lidah ditamparkan sekali sahaja bagi menghasilkan bunyi tamparan. Cth: /r/.

### •Geseran/Frikatif

Bunyi geseran boleh dihasilkan dengan menyempitkan ruang diantara titik artikulasi dengan artiklator. Udara yang keluar daripada paru-paru akan keluar di ruang yang sempit bagi menghasilkan bunyi geseran. CTH: /□□□f, v, /□□□

### •Letusan

Letusan mempunyai kedua-dua ciri letupan dan geseran.  
Udara yang keluar dari paru-paru disekat di titik artikulasi. Kemudian udara akan dilepaskan secara perlahan-lahan di celah-celah ruang yang terbuka.

Cth: /c, j/.

•Malaran Tak Bergeser

Bunyi malaran tak bergeser dikenali juga sebagai bunyi separuh vokal. Bunyi ini mempunyai ciri vokal kerana tiada berlaku apa-apa pergeseran atau sekatan dalam rongga mulut di antara titik artikulasi dengan artikulator semasa menghasikan bunyi ini. Ia pula dianggap sebagai konsonan kerana melibatkan pelbagai titik artikulasi dan titik artikulasi ini tidak sama dengan titik artikulasi vokal.

Cth: / w, u /

**Latihan 4**

1. Buat deskripsi bagaimana bunyi konsonan dihasilkan dan diklasifikasikan.
2. Buat deskripsi bunyi konsonan letupan.
3. Apa beza konsonan letupan dan letusan?
4. Buat deskripsi bunyi konsonan sengau.
5. Apa yang dimaksudkan dengan bunyi separuh vokal?
6. Apa fungsi getaran pita suara dalam menghasilkan bunyi konsonan?

**TAJUK 5 :**

**BUNYI DIFTONG**

**SINOPSIS**

Unit ini memberi tumpuan kepada bunyi diftong daripada cara penghasilannya.

**HASIL PEMBELAJARAN**

Selepas akhir unit ini pelajar dapat :

- i. Menguasai bunyi diftong dengan betul
- ii. Mengenal pasti cara bunyi diftong dihasilkan

**BUNYI DIFTONG**

Bunyi diftong melibatkan dua deretan vokal yang hadir serentak. Bunyi diftong terhasil apabila bunyi vokal yang hadir selepas bunyi vokal yang satu lagi menggeluncur ke arah vokal yang mula-mula hadir tanpa menunjukkan sebarang puncak kelantangan. Ketiadaan puncak kelantangan semasa penghasilan bunyi diftong menjadikan bunyi tersebut sebagai satu kata sahaja.

**BUNYI DIFTONG**

- Diftong ialah dua bunyi vokal yang disebut sebagai satu bunyi dan satu hembusan nafas sahaja
- Dilambangkan dalam dua huruf vokal.
- 3 jenis diftong iaitu :-
  - ai - aising / ghairah / gulai
  - au – aura / saudari / pulau
  - oi - oidium / boikot / amboi

Cara menghasilkan diftong [ai]

- Lidah berada pada kedudukan untuk vokal depan [a] dan kemudian berpindah kepada kedudukan vokal depan sempit [i].
- Lelangit lembut dinaikkan rapat ke dinding rongga tekak.
- Glotis dirapatkan dan pita suara bergetar.
- Bibir dibundarkan.
- Contoh : **haiwan, ghairah, pandai, gulai**

Cara menghasilkan diftong [ au ]

- Lidah pada kedudukan vokal [a] tetapi kemudiannya berubah pada kedudukan vokal belakang sempit [u].
- Bibir terhampar tetapi lama-kelamaan semakin bundar.
- Lelangit lembut dinaikkan rapat ke dinding rongga tekak.
- Glotis dirapatkan dan pita suara bergetar.
- Contoh: **tauladan, aurat, kerbau, pulau**

Cara menghasilkan diftong [ oi ]

- Lidah pada kedudukan vokal belakang separuh sempit [o] tetapi kemudiannya berubah pada kedudukan vokal depan separuh sempit [i].
- Bibir terbundar tetapi lama-kelamaan semakin hampar.
- Lelangit lembut dinaikkan rapat ke dinding rongga tekak.
- Glotis dirapatkan dan pita suara bergetar.
- Contoh: **boikot, sepoi, amboi**

### Latihan 5

1. Apakah maksud diftong ?
2. Huraikan diftong dalam bahasa Melayu?
3. Deskripsikan cara menghasilkan bunyi diftong [ai].
4. Deskripsikan cara menghasilkan bunyi diftong [au].
5. Deskripsikan cara menghasilkan bunyi diftong [oi].

TAJUK 6	CARTA KONSONAN BAHASA MELAYU
---------	------------------------------

## SINOPSIS

Unit ini memberi tumpuan kepada Carta Konsonan Bahasa Melayu. Cara penyebutan dan daerah sebutan dalam menghasilkan bunyi-bunyi konsonan Bahasa Melayu.

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir unit ini pelajar dapat:

- i. Menguasai konsonan Bahasa Melayu dengan betul.
- ii. Mengenal pasti daerah sebutan bagi menyebut Konsonan Bahasa Melayu.
- iii. Mengenal pasti cara sebutan bagi menyebut Konsonan Bahasa Melayu.

Ada 18 konsonan asli dalam bahasa Melayu. Konsonan ini terdiri daripada bunyi letupan sengau, letusan, getaran, sisian dan separuh vokal. Semuanya dipaparkan dalam jadual berikut :

CARTA KONSONAN BAHASA MELAYU

Daerah sebutan Cara Sebutan	1 Bibir	2 Gusi	3 Gusi-Lelangit Keras	4 Lelangit Keras	5 Lelangit Lembut	6 Pita Suara
Letupan tak Bersuara	p b	t d			k g	
Letusan tak Bersuara				j c		
Sengauan	m	n		n	ŋ	
Geseran			s			h
Getaran			R			
Sisian			L			
Separuh vokal	w				y	

**Latihan 6**

1. Ada berapa fonem konsonan bahasa Melayu ? Senaraikan
2. Ada berapa cara penyebutan fonem konsonan bahasa Melayu?
3. Ada berapa daerah sebutan dalam fonem konsonan bahasa Melayu?

TAJUK 7	PROSODI DAN SUPRASEGMENTAL
---------	----------------------------

## SINOPSIS

Unit ini memberi tumpuan kepada fungsi intonasi dalam bahasa Melayu.

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir unit ini pelajar dapat

- i. Mentakrif konsep intonasi
- ii. Mengenal pasti peranan intonasi dalam bahasa Melayu.
- iii. Mengenal pasti intonasi dalam sintaksis bahasa Melayu

### • PROSODI DAN SUPRASEGMENTAL

Prosodi dan Suprasegmental kajian tentang pelbagai aspek intonasi seperti tekanan, panjang, tona dan pesendian. Intonasi ialah turun naik atau tinggi rendah nada suara. Dalam bahasa Melayu intonasi mempunyai peranan yang amat penting dalam ayat berbanding perkataan.

### • INTONASI DLM BAHASA MELAYU

Intonasi ialah nada suara yang turun naik atau tinggi rendah sewaktu bercakap berdasarkan jenis dan bentuk ayat yang disampaikan. Terdapat 4 tingkat nada yg biasa ditandai dgn angka 1, 2, 3 dan 4. Angka 1 menandai nada yang paling rendah dan angka 4 pula menandai angka paling tinggi.

- **FUNGSI INTONASI**

**Fungsi Emosional**

Digunakan untuk menyatakan pelbagai makna, sikap seperti kegembiraan, kebosanan, kemarahan, kekejutan, kekecualian, ketakutan dan ratusan sikap yang lain.

**Fungsi Gramatis**

Digunakan untuk menandakan kontras dari segi tatabahasa terhadap sesuatu ujaran, sama ada sesuatu klausa atau ayat itu berupa pertanyaan atau pernyataan, positif atau negatif dll.

**Samb Fungsi Intonasi**

**Fungsi Struktur Informasi**

Digunakan untuk memberi sesuatu yang baru berbanding dgn yang telah dimaklumkan di dalam makna sesebuah ujaran, iaitu dgn menekankan kata yang membawa makna tersebut.

**Fungsi Tekstual**

Digunakan untuk membentuk nada dan gaya suara turun naik bg wacana yg lebih luas spt pembacaan teks berita yg membezakan satu berita dgn berita yg lain.

**Fungsi Psikologis**

Digunakan untuk membentuk kita mengubah bahasa menjadi unit-unit ujaran yg mudah dilihat dan diingat seperti belajar urutan nombor yg panjang atau ungkapan di dalam ucapan.

**Fungsi Indexical**

Digunakan utk menandai identiti seseorang, iaitu membantu mengenali seseorang sama ada tergolong di dlm kump sosial atau pekerjaan yg berbeza spt khatib, penjual ubat atau ahli politik

- **INTONASI DALAM BAHASA MELAYU**

Dalam bahasa Melayu intonasi mempunyai peranan yang amat penting dalam ayat berbanding perkataan. Dalam intonasi terkandung tekanan, panjang, tona dan pensendian.

- **Tekanan**

Unsur tekanan adalah bunyi suprasegmental yang dihasilkan bersama perkataan atau suku kata. Bunyi tekanan diberi lambang [ ‘ ]. *Dalam bahasa Melayu tekanan kuat selalu berlaku pada suku kata kedua dalam perkataan.*

Cth: [ru’mah] / [kam’pung] – bahasa Melayu tidak distingtif

bahasa Inggeris distingtif

/ ‘export/ –mengekspor

/ ex’port / – benda yang diekspor

- **Panjang**

Ada bunyi yang panjang ada bunyi yang pendek. Ia bukanlah bunyi biasa yang diucapkan dengan panjang. *Dalam bahasa Melayu unsur ini tidak ada.* Walaupun mana-mana bunyi boleh dipanjangkan tetapi tidak distingtif. Unsur panjang ini diberi lambang [.] ½ mora, [:] 1 mora dan [::] 2 mora. Cth: /sip/ = kapal manakala /si:p/ = kambing biri-biri.

- **Tona**

Unsur lagu yang ada pada sesuatu perkataan. Tona juga menggunakan unsur lain seperti nada, kelantangan, tekanan dan panjang yang menimbulkan pola lagu dalam perkataan atau ayat. *Bahasa Melayu tona hanya ada dalam ayat tidak perkataan.* Tetapi dalam bahasa Mandarin tona terdapat dalam perkataan dan distingtif.

Cth: tona datar /-ma/ = ibu

tona meninggi / ma/ = guni

tona turun naik / ma/ = kuda

tona menurun / ma/ = marah

- **Persendian**

Persendian ialah unsur senyap dalam ujaran [+] dan dapat memisahkan perkataan dan membawa perubahan makna.

Cth: /basuhkan+tin/ basuh tin

/basuh+kantin/ basuh kantin

### Latihan 7

1. Apakah yang dikatakan bunyi suprasegmental ? Beri contoh.
2. Kenapa unsur suprasegmental tekanan dianggap sebagai sebuah fonem?
3. Bagaimana unsur suprasegmental panjang membezakan makna?
4. Jelaskan bagaiman tona sebagai satu unsur suprasegmental dapat membezakan makna?
5. Apakah dia unsur persendian? Bagaimana unsur persendian membeza makna?

TAJUK 8	FONEM VOKAL DAN KONSONAN
---------	--------------------------

## SINOPSIS

Unit ini memberi tumpuan kepada definisi fonem. Menjelaskan dengan lebih lanjut fonem dalam sistem fonologi.

## HASIL PEMBELAJAARAN

Pada akhir unit ini pelajar dapat

- i. Mengetahui dan mengenal pasti fonem
- ii. Mengetahui dan mengenal pasti fonem konsonan bahasa Malyu.

### • Fonem

Fonem merupakan unit bahasa terkecil yang terkecil disebut sebagai bunyi bahasa. Fonem ialah bunyi bahasa yang menunjukkan perbezaan erti. Misalnya, kata bayang dan layang. Bunyinya hampir sama. Membezakan antara dua kata itu ialah fonem [b] dan [l]. Oleh sebab berbeza makna, bunyi [b] dan [l] dianggap sebagai dua fonem yg berasingan.

Cara penulisan [b] dan [l] ditulis dalam kurungan menegak untuk menggambarkan sesuatu bunyi. Apabila telah terbukti [b] dan [l] dua fonem berasingan, maka kurungan berubah menjadi sendeng spt /b/ dan /l/.

Contoh bunyi-bunyi berbeza dalam pasangan kata ini merupakan fonem yang berasingan:

/baru/ - /balu/	/siang/ - /tiang/
/tabah/ - /tapah/	/renek/ - /nenek/
/tekak/ - /tegak/	/rewang/ - /rawang/
/wang/ - /bang/	/kali/ - /kari/

Pasangan kata yang menunjukkan perbezaan perkataan paling kecil tetapi mempunyai makna berlainan, dinamakan pasangan minimal atau pasangan terkecil.

Sekiranya pasangan perkataan tidak berbeza maknanya, maka bunyi berbeza itu bukanlah dua fonem berasingan tetapi merupakan alofon dpd satu fonem.

Contoh : /faham/ - /paham/            /bilik/ - /bili?/

### • Fonem Bahasa Melayu

Sistem fonologi bahasa Melayu diuraikan dengan menggunakan kaedah segmental. Konsep fonem segmental adalah lebih mudah difahami dan diajarkan dengan tidak menggunakan peralatan canggih. Ada 33 buah fonem dalam Melayu, 24 fonem asli dan 9 fonem pinjaman. Daripada kajian didapati kontras fonem bahasa Melayu lebih banyak berlaku pada awal dan tengah kata. Pada akhir kata kontras hanya berlaku antara fonem bersuara dengan yang tak bersuara. Daripada 24 fonem asli Melayu terdapat 6 fonem vokal dan 18 fonem konsonan.

**Latihan 8**

1. Berikan definisi fonem ?
2. Apakah yang membezakan fonem berbeza makna.
3. Apa itu alofon ? Berikan contoh alofon yang terdapat dalam bahasa Melayu.
4. Berapakah fonem asli dalam bahasa Melayu?
5. Berapakah fonem konsonan pinjaman dalam bahasa Melayu?

<b>TAJUK 9</b>	<b>FONEM VOKAL BAHASA MELAYU</b>
----------------	----------------------------------

## SINOPSIS

Unit ini memberi tumpuan kepada fonem vokal bahasa Melayu dan cara penyebarannya.

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir unit ini pelajar dapat

- i. Mengetahui dan mengenal pasti vokal bahasa Melayu
- ii Mengenal pasti cara penyebaran vokal bahasa Melayu

### • Fonem Vokal Bahasa Melayu

Terdapat enam fonem vokal bahasa Melayu. Ada tiga vokal depan, dua vokal belakang dan satu vokal tengah.

Daerah <i>Lidah</i>	Depan	Tengah	Belakang
Sempit / Tinggi	i		u
Separuh Sempit / Tinggi	e		o
Luas / Rendah	a		

### • Vokal depan

Ada tiga fonem vokal depan / i, e, a/.

Semua vokal depan berlaku pada awal, tengah dan akhir perkataan, sama ada dalam suku kata terbuka atau tertutup.

Contoh:

Penyebaran

<b>Fonem</b>	<b>Awal</b>	<b>Tengah terbuka</b>	<b>Tengah tertutup</b>	<b>Akhir terbuka</b>	<b>Akhir Tertutup</b>
/ i /	itek	bila	pintu	kaki	sakit
/ e /	ekor	bela	meja	sate	robek
/ a /	api	malu	bantal	kita	kotak

### Kontras

Setiap vokal depan berkontras dengan vokal depan dalam pasangan terkecil.

Contoh:

- / i /, / e / dan / a /  
[bila] pertanyaan waktu  
[bela] balasan  
[bala] musibah

### • Vokal Belakang

Ada dua fonem vokal belakang / o / dan / u /.

Contoh:

### Penyebaran

Fonem	Awal	Tengah terbuka	Tengah tertutup	Akhir terbuka	Akhir Tertutup
/ u /	ular	buta	buncit	ratu	basuh
/ o /	otak	roda	rompak	soto	ekor

### Kontras

Kedua-dua vokal belakang berkontras di antara satu dengan lain dalam pasangan yang terkecil.

Contoh:

- [urat] saluran darah dalam tubuh  
[orat] memikat kaum lawan

### • Vokal Tengah

Hanya ada satu fonem vokal tengah iaitu / /.

Contoh:

Fonem	Awal	Tengah terbuka	Tengah tertutup	Akhir terbuka	Akhir Tertutup
/ /	mak	s rah	t ntu	sosialism (Inggeris)	televisy n (Inggeris)

### Kontras

**Vokal tengah ini berkontras dalam pasangan terkecil dengan semua vokal lain**

**Latihan 9**

1. Ada berapa fonem Melayu? Bahagikan konsonan dan vokal.
2. Jelaskan fonem vokal Melayu menurut daerah sebutannya.
3. Huraikan fonem vokal depan bahasa Melayu sempit dan cara penyebarannya.
4. Huraikan fonem vokal tengah bahasa Melayu dan cara penyebarannya
5. Kontras deretan vokal yang dipisahkan oleh separuh vokal tidak dilambangkan dalam ejaan.

UNIT 10	FONEM KONSONAN BAHASA MELAYU
---------	------------------------------

## SINOPSIS

Unit ini memberi tumpuan kepada fonem konsonan bahasa Melayu dan cara penyebarannya.

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir unit ini pelajar dapat

- i. Mengetahui dan mengenal pasti konsonan bahasa Melayu
- ii Mengenal pasti cara penyebaran konsonan bahasa Melayu

### • Konsonan Letupan

Ada tujuh fonem letupan /p,b,t, k, g/ dan /?/

#### Letupan Tak Bersuara

Penggunaan /p,t,k/ konsonan letupan tak bersuara berlaku di pangkal tengah dan akhir perkataan.

Contoh :

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/p/	Para	bara	asap
/t/	Tali	batu	ikat
/k/	Kolam	luka	arak / ara?

Fonem /k/ diakhir perkataan itu juga adalah hentian glottis. Walau bagaimanapun hentian glottis [?] ini tidak membezakan makna apabila dikontraskan dengan [k]

#### Letupan Bersuara

Penggunaan /b,d,g/ konsonan letupan bersuara berlaku di pangkal dan tengah perkataan. Manakala penggunaan /b,d,g/ di akhir perkataan hanya berlaku pada kata pinjaman sahaja

Contoh :

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/b/	Bara	lara	bab (Arab)
/d/	Duri	lada	had (Arab)
/g/	Gula	raga	beg (Inggeris)

- **Konsonan Letusan**

Ada satu letusan tak bersuara /c/ dan satu letusan bersuara /j/. Penggunaan /c/ dan /j/ hanya berlaku pada awal dan tengah perkataan sahaja.

Contoh:

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/c/	Cara	kaca	-
/j/	Jala	raja	-

- **Konsonan Sengauan**

Penggunaan konsonan sengauan /m, n, η/ berlaku pada awal, tengah dan akhir perkataan. Manakala konsonan /n/ haya berlaku pada awal dan tengah perkataan sahaja.

Contoh:

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/m/	maka	sama	Malam
/n/	nasi	sana	Rakan
/n/	naman (nyaman)	tana (tanya)	-
/η/	ηana (nganga)	buηa (bunga)	buaη (buang)

- **Konsonan Geseran**

Ada dua geseran tak bersuara /s/ dan /h/ . Penggunaan konsonan geseran berlaku pada awal tengah dan akhir perkataan.

Contoh:

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/ s /	sama	rasa	Balas
/ h /	hari	tahu	Basuh

- **Konsonan Getaran**

Haya ada satu getaran / r / yang boleh berlaku pada awal, tengah dan akhir kata.

Contoh:

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/ r /	rasa	nira	Kasar

- **Konsonan Sisian**

Hanya ada satu sisian / l / dalam konsonan bahasa Melayu yang boleh berlaku pada awal, tengah dan akhir kata.

Contoh:

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/ l /	lama	gali	Akal

- **Konsonan Separuh Vokal**

Ada dua konsonan separuh vokal /w/ dan /y/ yang boleh berlaku pada awal dan tengah kata.

Contoh:

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/ w /	wakil	bawa	-
/ y /	yakin	raya	

### Latihan 6

1. Bagaimana kita dapat menentukan [p] dan [b], [t] dan [d] serta [k] dan [g] adalah fonem yang berlainan
2. Senaraikan fonem sengau dalam bahasa Melayu. Nyatakan dengan contoh penyebaran kehadirannya.
3. Ada berapa fonem konsonan geseran asli bahasa Melayu, Senaraikan dan berikan contoh penyebaran kehadirannya
4. Bagaimana kita menentukan separuh vokal sebagai fonem berlainan?

Modul 1 : Bahasa Melayu 1  
Unit 2.0 : Pengantar Fonetik dan Fonologi